

## ANALISIS LITERATUR SISTEMATIK TERHADAP PENENTUAN AGIHAN BANTUAN KEMISKINAN KEPADA GOLONGAN B40 DI MALAYSIA

### *Systematic Literature Analysis On The Determination Of The Distribution Of Poverty Aid To The B40 Group In Malaysia*

Azman Ab Rahman<sup>1a\*</sup>, Afaf Sukari<sup>2b</sup>, Muhammad Faiz Abd Shakor<sup>3c</sup>, Syed Salim Syed  
Shamsuddin<sup>4d</sup> & Zizi Azlinda Mohd Yusof<sup>5e</sup>

<sup>a</sup>Institut Fatwa dan Halal, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai,  
Negeri Sembilan, MALAYSIA,

Emel: [azman@usim.edu.my](mailto:azman@usim.edu.my)

<sup>b</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,

Emel: [afafsukari97@gmail.com](mailto:afafsukari97@gmail.com)

<sup>c</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,

Emel: [faizshakorkisas@gmail.com](mailto:faizshakorkisas@gmail.com)

<sup>d</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,

Emel: [syedsalim@usim.edu.my](mailto:syedsalim@usim.edu.my)

<sup>e</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,

Emel: [ziziazlinda@usim.edu.my](mailto:ziziazlinda@usim.edu.my)

\*Corresponding Author: [azman@usim.edu.my](mailto:azman@usim.edu.my)

Received: 20 Mac 2023

Accepted: 8 May 2023

Published: 22 May 2023

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol28no2.525>

Abstrak	Abstract
<p><i>Kenaikan insiden kemiskinan mutlak di Malaysia semakin meningkat apabila 20% isi rumah M40 beralih kepada B40 sepanjang waktu pandemik COVID-19 akibat kemelesetan ekonomi. Pelbagai usaha dijalankan bagi menangani kemiskinan sejajar dengan tunjang utama Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) iaitu pengukuhan keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti. Bagi mencapai objektif kesejahteraan negara dalam masa lima tahun sejak RMK-12 diperkenalkan, pendekatan yang proaktif perlu dilakukan secara terancang. Namun begitu, pelbagai pendapat telah dilontarkan bagi mentransformasikan inklusiviti B40 dalam kegiatan ekonomi terutamanya berkaitan</i></p>	<p><i>The increase in the incidence of absolute poverty in Malaysia is increasing as 20% of M40 households shift to B40 throughout the COVID-19 pandemic due to the economic recession. Various efforts are being carried out to tackle poverty in line with the main pillar of the Twelfth Malaysia Plan (RMK-12), which is the strengthening of security, well-being and inclusivity. In order to achieve the objective of national well-being within five years since RMK-12 was introduced, a proactive approach needs to be done in a planned manner. Nevertheless, various opinions have been expressed to transform the inclusiveness of B40 in economic activities, especially in relation to the distribution of poverty relief which is</i></p>

agihan bantuan kemiskinan yang menjadi talian hayat mereka saban hari. Oleh itu, penilaian semula penentu agihan bantuan kemiskinan perlu dijalankan bagi memastikan kesejahteraan rakyat terus terjamin. Kajian ini dilakukan adalah untuk menganalisis berkenaan penentuan agihan bantuan kemiskinan kepada golongan B40 di Malaysia dengan menggunakan analisis literatur sistematik. Kajian ini menggunakan kaedah PRISMA iaitu dengan membuat carian artikel di pangkalan data Scopus dan My Jurnal secara sistematik sepanjang tempoh bermula 2021 hingga 2023. Data yang dikumpul telah dianalisis dan direkodkan dalam carta alir PRISMA. Sejumlah 52 artikel jurnal yang terpilih berkaitan dengan topik telah dibincangkan oleh pengkaji. Hasil kajian mendapati agihan bantuan kemiskinan yang baru mampu mengenal pasti faktor tekanan sara hidup rakyat miskin yang terjerat dalam golongan B40 selain membantu untuk meringankan beban kuasa ekonomi rakyat miskin. Diharapkan penyelidikan ini dapat memberi gambaran dan perbincangan yang berguna serta menjadi rujukan kepada penyelidik dan ahli akademik yang lain berkenaan analisis sistematik terhadap penentuan agihan bantuan kemiskinan kepada golongan B40 dengan menggunakan metodologi PRISMA.

**Kata kunci:** Analisis, Agihan, Bantuan, Kemiskinan, B40

their lifeline every day. Therefore, a re-evaluation of the determinants of poverty aid distribution needs to be carried out to ensure the well-being of the people continues to be guaranteed. This study was conducted to analyze the determination of the distribution of poverty assistance to the B40 group in Malaysia by using a systematic literature analysis. This study uses the PRISMA method by systematically searching for articles in the Scopus and My Jurnal databases throughout the period from 2021 to 2023. The data collected has been analyzed and recorded in the PRISMA flow chart. A total of 52 journal articles selected related to the topic were discussed by the researcher. The results of the study found that the new distribution of poverty aid is able to identify the factors of subsistence pressure for poor people who are trapped in the B40 group. Supporting the third Core (Human Capital), the fifth Core (Social Well-being) and the seventh Core (Social Capital), this latest model for determining the distribution of poverty aid will help to ease the burden of the poor people's economic power. It is hoped that this research can provide a useful overview and discussion and become a reference for other researchers and academics regarding the systematic analysis of determining the distribution of poverty assistance to the B40 group using the PRISMA methodology.

**Keywords:** Distribution, Poverty Relief, B40

## 1. PENDAHULUAN

Salah satu bidang tumpuan kepada Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) ialah keluarga B40 ke arah status 'negara berpendapatan tinggi'. Rakyat Malaysia secara amnya dikategorikan berdasarkan pendapatan isi rumah tahunan mereka (Nair & Sagar, 2015) iaitu 20 teratas (T20), pertengahan 40 (M40) dan di bawah 40 peratus (B40). Menurut Rokis et al. (2018), B40 merujuk kepada penduduk, dengan anggaran pendapatan isi rumah bulanan RM3,855 dan ke bawah. Di bawah RMK-11, terdapat 2.7 juta rakyat Malaysia dalam isi

rumah B40, 56% bandar dan 44% luar bandar. Justeru, pelan negara ini telah menyasarkan untuk meningkatkan pendapatan purata B40 (RM2,537 pada 2014) dan pendapatan purata (RM2,629 pada 2014) menjelang 2020; meningkatkan peratusan pencapaian pendidikan tinggi daripada 9% pada tahun 2014 kepada 20% menjelang 2020; seterusnya bahagian hasil akan meningkat daripada 16.5% pada tahun 2014 kepada 20% menjelang 2020. Meskipun tiga strategi utama telah digariskan dalam Bab 3 RMK-11 iaitu meningkatkan pendapatan dan kekayaan keluarga B40; mengatasi kos sara hidup yang tinggi; dan mengukuhkan sistem penghantaran perisian rumah B40, namun Laporan Penyiasatan Isi Rumah 2019 menonjolkan ketidakcapaian sasaran untuk B40. Malahan, golongan ini nyata ketinggalan hampir dalam segenap aspek dalam era kemodenan (Ekonomi Rakyat, 2020). Dan, Malaysia masih meneruskan tumpuan ke arah usaha-usaha untuk meningkatkan taraf kehidupan golongan ini melalui perlaksanaan pelbagai program dalam mengisi RMK12 (Bernama, 2021).

Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) yang telah diperkenalkan pada tahun 2019 lalu memfokuskan kepada isu kemiskinan dan jurang pendapatan. Wawasan tersebut dikatakan bertujuan 'merapatkan jurang pendapatan antara negeri, golongan yang kaya dengan miskin serta bandar dan luar bandar'. Namun, ukuran kemiskinan yang diguna pakai di negara ini dipertikaikan memandangkan pemilihan indikator-indikator yang digunakan bersifat subjektif dan berbeza-beza mengikut ketetapan pembuat polisi.

Pada sisi yang lain pula, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Agensi Mengurus Zakat Negeri (AMZ) mengguna pakai had *kifayah* iaitu kaedah penilaian untuk mengukur keperluan asasi individu dan isi rumah B40 sebagai penentuan kelayakan seseorang asnaf fakir dan miskin. Pelaksanaan kaedah ini didapati lebih menepati kehendak syarak dengan mengambil kira keperluan individu berdasarkan *masalahah* dan *maqasid al shariah*. Pendekatan berkenaan selari dengan pengukuran keperluan hidup yang merujuk kepada keperluan minimum asasi bagi memenuhi *masalahah daruriyyah* dan *hajjiyyah*. Item-item penting yang menjadi pertimbangan dalam had *kifayah* ialah makanan, kediaman, pakaian, pendidikan, perubatan dan pengangkutan. Ketidakteraturan dalam penentuan kadar had *kifayah* bagi isi rumah adalah disebabkan oleh tadbir urus zakat yang berasingan mengikut gaya pemerintah negeri-negeri di Malaysia. Justeru, wujud keperluan untuk memastikan golongan ini sekali gus isi rumah B40 bagi memastikan tahap kehidupan mereka dapat ditingkatkan.

Secara amnya, penentuan agihan bantuan kemiskinan di Malaysia ini adalah dengan menggunakan gaji minimum isi rumah dengan Pendapatan Garis

Kemiskinan (PGK) (Jamil & Mat, 2014). PGK adalah purata jumlah pendapatan minimum isi rumah yang dapat menampung keperluan asas seperti bahan api dan tenaga, kesihatan dan rekreasi, makanan, pakaian, pengangkutan dan perhubungan serta perbelanjaan asas seperti sewa. Oleh itu, darjah kemiskinan ditentukan berdasarkan tingkat pendapatan yang diterima dengan PGK iaitu miskin atau tidak miskin. Miskin tegar atau miskin mutlak adalah mereka yang tidak melepasi tahap garisan PGK dan menjadi penerima utama bantuan kemiskinan dia negara ini. Namun begitu, konsep kemiskinan relatif tidak diambil pakai oleh badan pembasmian kemiskinan kerana konsep ini berkaitan dengan agihan pendapatan. Oleh itu, sebuah keluarga di kampung dengan 2 orang anak yang masih bersekolah, dengan isi pendapatan rumah sebanyak RM 2000 sebulan layak menerima bantuan kemiskinan daripada keluarga di bandar yang mempunyai 5 orang anak yang belajar di universiti dengan pendapatan isi rumah sebanyak RM 4,500. Hal ini kerana, walaupun kos hidup keluarga di kampung adalah lebih rendah, keluarga ini tidak melepasi garisan kemiskinan manakala keluarga di bandar, dianggap sebagai M40 walaupun mempunyai kos sara hidup yang lebih tinggi.

Jamil dan Mat (2014) memperkenalkan kaedah alternatif bagi mengatasi masalah ini dengan menggantikan ukuran “kemiskinan menggunakan pendapatan” kepada “ukuran kemiskinan multidimensi”. Walker (2015) menyatakan bahawa kemiskinan tidak diukur hanya dengan ketiadaan pendapatan atau sumber kewangan namun ia juga merangkumi pelbagai aspek seperti penyakit fizikal dan psikologi, pengecualian dan ketidakupayaan, pengasingan sosial, dan kekurangan sumber. Pendekatan ini digunakan dalam Indeks Pembangunan Insan (HDI) dan lebih menyeluruh berbanding Indeks Kemiskinan Pelbagai (MPI) yang mengambil kira dimensi kesihatan, pendidikan dan ekonomi. Kategori kemiskinan bandar yang lebih bersifat kompleks menuntut definisi kemiskinan melangkaui isu pendapatan isi rumah atau perbelanjaan, tetapi menjangkau isu kemiskinan dan kekurangan dalam isu akses kepada infrastruktur fizikal dan perkhidmatan, isu perumahan, jaringan keselamatan sosial, kemudahan kesihatan dan pendidikan, suara dan pemeraksanaan, sumber ekonomi dan kehidupan serta akses kepada tanah ( Talib, 2016).

Indeks yang diperkenalkan pada tahun 1990 oleh Mahbub-al Haq dan Armatya Sen dengan kerjasama Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Development Programme, UNDP) pada tahun 1990 ini bertujuan untuk melihat perkembangan pembangunan manusia di sesebuah negara (Stanton, 2007). Elemen yang pelbagai seperti keupayaan terhalang dalam konteks budaya, individu, institusi, kesihatan fizikal dan mental, pekerjaan, persekitaran, politik, sosialisasi dan sebagainya dilihat

relevan dalam mengenal pasti dan mengkategorikan kemiskinan untuk memformulasi mekanisme membasmi kemiskinan.

## 2. METODOLOGI

Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini adalah dengan melakukan carian khusus yang memfokuskan kepada dua pangkalan data terpilih iaitu laman web Scopus dan MyJurnal. Scopus ialah pangkalan data sastera akademik yang menyimpan beribu-ribu tulisan terpilih dari seluruh dunia, dan ia boleh diakses melalui laman web <https://www.scopus.com/>. Sementara itu, MyJurnal merupakan salah satu pangkalan data koleksi literatur yang diterbitkan di Malaysia, yang ditunjukkan kepada <http://myjurnal.my>.

Para penyelidik akan memperkayakan kata kunci semasa fasa pengenalan. Lebih banyak kata kunci yang digunakan penyelidik; lebih banyak artikel berpotensi boleh diambil daripada pangkalan data. Kata kunci umum yang digunakan oleh penyelidik untuk mencari artikel dalam Scopus dan MyJurnal, seperti "Agihan", "Bantuan Kemiskinan", dan "Golongan B40". Menurut Hayrol Azril et al., (2020), kepentingan menyediakan banyak kata kunci ke dalam pangkalan data adalah untuk menghasilkan lebih banyak artikel. Walau bagaimanapun, sisi negatifnya adalah ia juga akan menyediakan artikel yang tidak relevan. Sebaliknya, jika penyelidik hanya menggunakan kata kunci tertentu, hasil daripada pangkalan data akan menghasilkan artikel yang lebih berkaitan, tetapi terdapat risiko kehilangan rekod. Rajah 1 dan 2 menggambarkan contoh rentetan pertanyaan dalam pangkalan data yang digunakan dalam penyelidikan ini, iaitu Scopus dan MyJurnal.


Enter query string

(TITLE-ABS-KEY(agihan) AND TITLE-ABS-KEY(bantuan kemiskinan) AND TITLE-ABS-KEY(b40))

[Outline query](#) [Add Author name / Affiliation](#) [Clear form](#)

[Search Q](#)

**Rajah 1:** Contoh Carian Kata Kunci dalam Scopus



Search

bantuan kemiskinan Article

Sort By: Publication Year Order: Ascending Search


**Rajah 2:** Contoh Carian Kata Kunci dalam Myjurnal

Daripada rajah di atas, penyelidik menggunakan rentetan pertanyaan dalam pangkalan data yang merupakan gabungan simbol dan pengekodan yang membolehkan mereka menggabungkan semua kata kunci semasa mencari dan menghalang carian berulang. Tempoh penerbitan kesusasteraan juga dihadkan dari 2014 hingga 2023. Sebanyak 668 artikel jurnal ditemui dalam Scopus berdasarkan hasil carian awal, manakala 213 artikel jurnal ditemui dalam MyJurnal.

**Jadual 1:** Senarai kriteria, kelayakan dan pengecualian kajian

Kriteria	Kelayakan	Pengecualian
Jenis Literatur	Artikel Jurnal	Artikel Jurnal (kertas ulasan), Penyuntingan, Kertas Kerja Persidangan, Bab Dalam Buku
Negara	Malaysia	Negara-negara Lain
Tempoh Penerbitan	Tahun Penerbitan dari 2014-2023	Tahun 2013 ke bawah

Analisis data dimulakan dengan menyusun semua butiran artikel jurnal menggunakan Microsoft Excel. Sekiranya terdapat pengulangan artikel dalam kedua-dua pangkalan data, data daripada Scopus akan disimpan dan data daripada MyJurnal akan dipadam kerana Scopus lebih diutamakan dalam dunia penulisan artikel jurnal. Penapisan dilakukan untuk mengelakkan data berulang semasa proses analisis maklumat. Terdapat 380 artikel dalam MyJurnal dan Scopus yang telah ditapis kerana terdapat artikel ulangan dalam kedua-duanya databases. Oleh itu, jumlah akhir literatur yang akan dikenal pasti daripada kedua-dua pangkalan data ialah 700. Bagaimanapun, selepas pengkaji mengenal pasti kelayakan artikel tersebut, penyelidik perlu mengeluarkan 648 kerana artikel tersebut berada di luar topik ini. Oleh itu, artikel teks penuh yang dinilai untuk kelayakan adalah 52 artikel sahaja. Rajah 3 menunjukkan rajah alir PRISMA seperti di bawah:



Rajah 3: Carta Alir PRISMA

### 3. HASIL KAJIAN

#### 3.1 Jumlah Penerbitan

Sebanyak 1176 artikel telah ditemui berdasarkan hasil carian dengan memasukkan kata kunci dalam pangkalan data. Ini dapat dilihat dalam jadual 2 seperti di bawah:

**Jadual 2:** Jumlah artikel yang ditemui daripada dua pangkalan data (Scopus dan MyJurnal)

Bil.	Kata Kunci	Scopus	Myjurnal	Jumlah	Peratus (%)
1.	Agihan	43	138	181	16.80
2.	Bantuan Kemiskinan	23	0	23	2.13
3.	Golongan B40	801	75	876	81.11
	Jumlah	867	213	1080	100 %

Bagaimanapun, sebanyak 476 artikel dalam MyJurnal dan Scopus telah ditapis kerana terdapat artikel ulangan dalam kedua-dua pangkalan data. Oleh itu, jumlah akhir literatur yang akan dikenal pasti daripada kedua-dua pangkalan data ialah 700. Kemudian, berdasarkan keputusan saringan akhir, terdapat hanya 52 artikel yang berkaitan dengan subjek ini. Ini kerana 648 artikel lain di luar topik.

**Jadual 3:** Hasil saringan akhir penerbitan daripada dua pangkalan data (Scopus dan MyJurnal)

Bil.	Tahun Penerbitan	Bilangan Penerbitan		Jumlah	Peratus(%)
		MyJurnal	Scopus		
1.	2023	1	0	1	2
2.	2022	1	0	1	2
3.	2021	4	3	7	14
4.	2020	2	4	6	12
5.	2019	3	4	7	14
6.	2018	3	5	8	16
7.	2017	4	3	7	14
8.	2016	3	0	4	8
9.	2015	4	1	5	10
10.	2014	3	2	5	10
	Jumlah	28	22	50	100%

### 3.2 Jumlah Artikel Mengikut Bilangan Pengarang

Jadual 4 menunjukkan bilangan artikel teks penuh yang dinilai untuk kelayakan berdasarkan kategori beberapa pengarang yang terlibat dalam penerbitan artikel tersebut. Senarai artikel dibahagikan kepada empat kategori:

- i. Seorang pengarang;
- ii. Dua pengarang;
- iii. Tiga pengarang;



- iv. Empat pengarang atau lebih.

**Jadual 4:** Bilangan penerbitan mengikut bilangan pengarang dalam pangkalan data Scopus

Bil.	Bilangan Penulis	Bilangan Artikel (Scopus)	Peratus (%)
1.	Seorang Pengarang	4	18.18
2.	Dua Pengarang	3	13.64
3.	Tiga Pengarang	5	22.73
4.	Empat Pengarang atau lebih	10	45.45
	Jumlah	22	100%

Berdasarkan keputusan dalam Scopus, artikel yang diterbitkan oleh empat atau lebih penulis menerima jumlah artikel tertinggi (45.45 %), yang kedua diikuti oleh tiga penulis artikel bersamaan 5 penulisan artikel (22.73 %) dan ketiga oleh seorang penulis artikel (18.18 %).

**Jadual 5:** Bilangan penerbitan mengikut bilangan pengarang dalam pangkalan data MyJurnal

Bil.	Bilangan Penulis	Bilangan Artikel (Myjurnal)	Peratus (%)
1.	Seorang Pengarang	2	6.67
2.	Dua Pengarang	10	33.33
3.	Tiga Pengarang	12	40
4.	Empat Pengarang atau lebih	6	20
	Jumlah	30	100%

Sementara itu, dalam MyJurnal, artikel yang diterbitkan oleh tiga orang penulis mendapat jumlah tertinggi iaitu 12 artikel (40%). Bilangan artikel tertinggi seterusnya diikuti oleh dua orang penulis bersamaan 10 artikel (33.33%), empat atau lebih penulis iaitu 6 artikel (20%) dan seorang penulis bersamaan 2 artikel (6.67%).

## 4. PERBINCANGAN

### 4.1 *Isu Kemiskinan di Malaysia*

Peningkatan kos sara hidup memberi kesan yang ketara kepada isi rumah B40 terutamanya kerana pendapatan mereka yang lebih rendah yang bermaksud mereka perlu mengurangkan perbelanjaan mereka untuk keperluan seperti makanan dan pendidikan (Mottain, 2018). Pendapatan rendah dan tinggal di kawasan bandar menyukarkan isi rumah B40 untuk

hidup dengan kenaikan kos sara hidup, infrastruktur dan pendapatan yang terhad juga. Di samping itu, Malaysia menjangkakan ledakan penduduk bandar yang membawa kepada peningkatan kemiskinan bandar jika tidak diikuti dengan tindakan yang sesuai (Ahmed et. al, 2016). Oleh itu, adalah penting untuk mengkaji tentang penentuan agihan bantuan kepada isi rumah B40 dan impak terhadap prestasi mereka melalui program-program yang disediakan.

Manokaran et al. (2018) menyatakan bahawa UNICEF Malaysia melaporkan bahawa kaji selidik mendapati bahawa satu daripada dua isi rumah tidak mempunyai wang yang cukup untuk membeli makanan untuk bertahan dalam kalangan kemiskinan kanak-kanak bandar di Kuala Lumpur. Kesan kenaikan harga ke atas golongan B40 adalah jauh lebih besar, kerana pendapatan boleh guna mereka adalah lebih rendah yang memaksa mereka untuk mengurangkan perbelanjaan keperluan asas seperti makanan dan pendidikan. Kos sara hidup yang tinggi adalah kebimbangan utama bagi rakyat Malaysia, yang memerlukan mekanisme yang berkesan dan cekap untuk mengatasi isu-isu tersebut. Oleh yang demikian, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan soal pembasmian kemiskinan sebagai fokus utama RMK-12 termasuk program-program pemeraksanaan ekonomi komuniti dan pembangunan kesejahteraan (Naja, 2021).

Terkini, COVID-19 yang dianggap sebagai endemik pada penghujung 2021 turut memberi kesan besar kepada golongan B40. Seperti yang dilaporkan oleh Kaur (2020) dalam *Free Malaysia Today*, desakan untuk kerajaan melaksanakan langkah-langkah awal bagi memastikan golongan B40 dapat terus mencari nafkah sebaik sahaja Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir. Jayanath Appudurai, ahli pergerakan akar umbi Saya Anak Bangsa Malaysia (SABM), berkata ahli ekonomi telah meramalkan bahawa ia boleh mengambil masa dari 18 bulan hingga dua tahun untuk ekonomi kembali normal apabila wabak virus reda (Kaur, 2020).

#### **4.2 *Inisiatif Pembasmian Kemiskinan di Malaysia***

Manaf dan brahim menyatakan bahawa terdapat pelbagai program pembasmian kemiskinan, khusus untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat berpendapatan rendah yang telah diperkenalkan di Malaysia. Program-program pembasmian kemiskinan ini menurut Hussin, Salleh, Hehsan dan Junaidi (2018) dijalankan oleh badan-badan kerajaan- seperti Jabatan Kebajikan Malaysia, Majlis Agama Negeri seta Zakat- dan bukan kerajaan- seperti Yayasan Basmi Kemiskinan, Yayasan Basmi Kemiskinan Selangor, Kelantan, Pahang dan Terengganu dan juga Amanah Ikhtiar Malaysia- demi

meringankan bebanan rakyat miskin dalam menghadapi kos sara hidup yang makin meningkat. Insentif seperti Bantuan mikro-kredit, bantuan pendidikan, bantuan perumahan serta pelbagai jenis latihan ditawarkan oleh badan-badan nukan kerajaan ini demi membantu rakyat miskin di Malaysia.

Pembasmian kemiskinan ini dipandang serius oleh Wang (2017) kerana bukan sahaja ia penting untuk pembangunan ekonomi negara, insentif ini juga adalah untuk merealisasikan pembangunan manusia sejagat dalam memenuhi hak setiap golongan miskin untuk hidup seperti orang lain. Oleh itu, untuk membasmi kemiskinan secara menyeluruh, fenomena kemiskinan di negara ini perlu dikaji secara menyeluruh terutamanya dalam mengukur corak perbelanjaan golongan B40 (Ali, 2019). Hal ini disokong oleh Wee dan Singaravelloo, (2018) yang berpendapat bahawa kepekaan terhadap bebanan yang dihadapi oleh suatu golongan akan dapat membantu dalam mencari jalan meringankan bebanan kos sara hidup serta membuka jalan untuk menjana pendapatan dengan lebih mudah.

Kyophilavong (2011), Kyophilavong, Lassachack dan Volavong (2016), Wolde (2018) serta Biyase dan Rooderick (2018) bersependapat bahawa bantuan kewangan mampu mengurangkan kadar kemiskinan dan memberikan impak kepada mutu kesihatan, pendidikan dan menggalakkan pelabran keusahawanan. Walaubagaimanapun, Hoe, Wahab, Abu Bakar dan Islam (2017) mendapati bahawa penyertaan masyarakat miskin dalam setiap program yang dianjurkan bergantung kepada kekerapan interaksi antara pegawai dan masyarakat miskin. Oleh itu, hanya segelintir sahaja rakyat miskin yang mendapat manfaat daripada pelbagai program dan inisiatif yang dijalankan.

Zainudin dan Jumbri (2018) menyatakan bahawa bantuan yang diberikan oleh agensi badan kerajaan kebanyakannya adalah bersifat sementara dan bukannya kekal seumur hidup dalam membantu kehidupan seharian golongan B40 ini. Hal ini kerana, peningkatan kos sara hidup dan bilangan rakyat miskin akan membebankan kos operasi JKM secara menyeluruh dalam suasana kemerosotan ekonomi ini. Oleh itu, Salleh dan Samad (2018) berpendapat bahawa lebih molekul untuk kerajaan menyasarkan bantuan yang meningkatkan peluang penjana ekonomi rakyat miskin demi mengurangkan bebanan kerajaan sendiri dalam membantu golongan ini. Tiga jenis bantuan yang selalunya dijalankan di Malaysia termasuk bantuan kos sara hidup, bantuan Zakat dan bantuan peningkatan ekonomi rakyat. Bantuan Kos Sara Hidup dan bantuan Zakat lebih memberatkan untuk mengurangkan bebanan perbelanjaan golongan miskin dalam jangka masa pendek. Bantuan peningkatan ekonomi rakyat pula adalah bantuan yang memberikan rakyat

peluang untuk menjana pendapatan mereka sendiri yang banyak melibatkan aktiviti perusahaan (Thaidi et al, 2019).

### **4.3 Penentuan Agihan Bantuan Kemiskinan dan Permasalahan**

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) pada tahun 1976 mentakrifkan kemiskinan dari segi keperluan minimum seperti makanan, tempat tinggal, pakaian, dan keperluan lain seperti pengangkutan, sanitasi, kesihatan, dan perkhidmatan pendidikan (Wagle, 2002). Konsep ini berkaitan dengan negara-negara di mana pendapatan per kapita yang rendah dan kemiskinan adalah tinggi. Wahab (2010) menulis tentang kesejahteraan sosial perlu dilihat dari perspektif ekonomi dan sosial yang berkaitan dengan pendapatan, harta, perkhidmatan dan juga punca berlakunya kemiskinan. Weinberg (1970) juga pernah mengetengahkan konsep kesejahteraan sosial sebagai aktiviti menolong atau program sosial kerajaan untuk komuniti miskin.

Secara amnya, penentuan agihan bantuan kemiskinan di Malaysia ini adalah dengan menggunakan gaji minimum isi rumah dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) (Jamil & Mat, 2014). PGK adalah purata jumlah pendapatan minimum isi rumah yang dapat menampung keperluan asas seperti bahan api dan tenaga, kesihatan dan rekreasi, makanan, pakaian, pengangkutan dan perhubungan serta perbelanjaan asas seperti sewa. Oleh itu, darjah kemiskinan ditentukan berdasarkan tingkat pendapatan yang diterima dengan PGK iaitu miskin atau tidak miskin. Miskin tegar atau miskin mutlak adalah mereka yang tidak melepasi tahap garisan PGK dan menjadi penerima utama bantuan kemiskinan dia negara ini. Namun begitu, konsep kemiskinan relatif tidak diambil pakai oleh badan pembasmian kemiskinan kerana konsep ini berkaitan dengan agihan pendapatan. Oleh itu, sebuah keluarga di kampung dengan 2 orang anak yang masih bersekolah, dengan isi pendapatan rumah sebanyak RM 2000 sebulan layak menerima bantuan kemiskinan daripada keluarga di bandar yang mempunyai 5 orang anak yang belajar di universiti dengan pendapatan isi rumah sebanyak RM 4,500. Hal ini kerana, walaupun kos hidup keluarga di kampung adalah lebih rendah, keluarga ini tidak melepasi garisan kemiskinan manakala keluarga di bandar, dianggap sebagai M40 walaupun mempunyai kos sara hidup yang lebih tinggi.

## **5. KESIMPULAN**

Secara kesimpulan, pengkaji telah menjalankan kajian literatur sistematik terhadap agihan bantuan kemiskinan kepada golongan B40 dengan kerangka PRISMA dan menganalisis penerbitan daripada dua pangkalan data iaitu Scopus dan MyJurnal dari tahun 2021 hingga 2023. Secara umumnya,

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 menyatakan iltizam untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang terus membangun secara mapan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat masyarakat dan rantaian bekalan termasuk merapatkan jurang antara kumpulan pendapatan. Oleh itu, Agihan Bantuan Kemiskinan yang baru mampu mengenal pasti faktor tekanan sara hidup rakyat miskin yang terjerat dalam golongan B40. Mendukung Teras ketiga (Modal Insan), Teras kelima (Kesejahteraan Sosial) dan Teras ketujuh (Modal Sosial), model terbaru penentuan agihan bantuan kemiskinan ini akan membantu untuk meringankan beban kuasa ekonomi rakyat miskin.

## **6. PENGHARGAAN**

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Institut Fatwa dan Halal (IFFAH) USIM kerana membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Projek Penyelidikan Biduni Mizaniyyah USIM, dengan tajuk Model Skim Pembasmian Kemiskinan Berasaskan Maqasid Syariah, Kod Penyelidikan PPPI/BM-DB/IFFAH/USIM/16922. Ketua penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

## 7. RUJUKAN

- Abdul Rahman, T. dan Hasan, A. (2018). PENILAIAN KELAYAKAN ASNAF FAKIR DAN MISKIN BERDASARKAN HAD KIFAYAH. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, Issue 4, Vol 1 pp 23-41.
- Ali, A. F. M. (2019). Difference Between Income and Expenditure Method in Measuring Poverty in Kelantan, Malaysia. *International Journal of Economics, Management and Accounting*, Vol. 27(1), pp. 1–40.
- Astro Awani (2021, September 8). COVID-19: Bantuan sedikit, tidak konsisten - Pakar ekonomi. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-bantuan-sedikit-tidak-konsisten-pakar-ekonomi-318489>.
- Bernama. (2021). Teks Ucapan Penuh Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob Sewaktu Pembentangan RMK12. BERNAMA.Com. [https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news\\_pemerksa.php?id=2007584](https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_pemerksa.php?id=2007584)
- Biyase, M., & Rooderick, S. (2018). Assessing the Impact of Social Grants on Household Welfare using “Morning After” Simulation and PSM Approach. *Munich Personal RePEc Archive*, pp. 1–18.
- Ekonomi Rakyat. (2020). B40 Semakin Ketinggalan, Malaysia Gagal Capai Sasaran RMK-11. *Ekonomi Rakyat*. <https://ekonomirakyat.com.my/b40-semakin-ketinggalan-malaysia-gagal-capai-sasaran-rmk-11/>
- Hairul Nizam & Siti Norhidayah (2017), Pendekatan Zakat di Malaysia , Satu Penilaian Analisis Gelagat,makalah, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia kali ke 12 2017, ( PERKEM 12), Universiti Kebangsaan Malaysia
- Hoe, K. C., Abd Wahab, H., Bakar, S. H. A., & Islam, M. R. (2017). Community Participation For Rural Poverty Alleviation: A Case of the Iban Community in Malaysia. *International Social Work*, Vol. 61(4), pp. 1–19.
- Hussin, M. F. A., Salleh, M. A., Hehsan, A., & Junaidi, J. (2018). The Roles of Non-State Actors in Eradicating Poverty in Malaysia. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, Vol. 175(1), pp. 1–10.

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS, 2021, Oktober 8). IDEAS bertegas kerajaan harus guna Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) nasional baharu untuk agihan bantuan. IDEAS. <https://www.ideas.org.my/ideas-bertegas-kerajaan-harus-guna-pendapatan-garis-kemiskinan-pgk-nasional-baharu-untuk-agihan-bantuan/>

Jamil, N & Mat, S.H.C. (2014). Realiti Kemiskinan: Satu Kajian Teoritikal. *Jurnal Ekonomi Malaysia* Vol. 48(1), pp. 167 – 177.

Jawhar (2009), *Manual Pengurusan Zakat*, Putrajaya, Jabatan Perdana Menteri.

Kaur, M. (2020). Start Planning Now to Tackle Urban Poverty Post-MCO, Govt Told. *Free Malaysia Today*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/04/21/start-planning-now-to-tackle-urban-poverty-post-mco-govt-told/>

Kyophilavong, P. (2011). Impact of Cash Transfer on Poverty and Income Distribution. In: Oum, S., T. L. Giang, V. Sann and P. Kyophilavong (Eds.), *Impacts of Conditional Cash Transfers on Growth, Income Distribution and Poverty in Selected ASEAN Countries*. ERIA Research Project Report 2010-13, Jakarta: ERIA, pp. 55-76.

Kyophilavong, P., Lassachack, X., & Volavong, T. (2016). Do Cash Transfers Help The Poor During Trade Liberalization? Evidence From Laos. *International Area Studies Review*, Vol. 19(4), pp. 355–371.

MacPherson, S., & Silburn, R. (1998). The Meaning and Measurement of Poverty. In J. Dixon & D. Macarov (Eds.), *Poverty: A Persistent Global Reality*. Routledge.

Manaf, N. A., & Ibrahim, K. (2017). Poverty Reduction for Sustainable Development: Malaysia's Evidence-Based Solutions. *Global Journal of Social Sciences Studies*, Vol. 3(1), pp. 29–42.

Manokaran, K. R., Ramakrishnan, S., Hishan, S. S., & Soehod, K. (2018). The Impact of Corporate Social Responsibility on Financial Performance: Evidence from Insurance Firms. *Management Science Letters*, 8(9), 913–932. <https://doi.org/10.5267/j.msl.2018.6.016>

Mottain, M. (2018). Youth Empowerment for a Better M'sia. *TheStar*.

- Nair, S., & Sagar, S. (2015). Poverty in Malaysia: Need for a paradigm shift. *Institutions and Economies*, 7(3), 95–123.
- Naja. (2021). RMK12 fokus basmi kemiskinan, tingkatkan ekonomi B40, M40. *Malaysia Post*. <https://malaysiapost.com.my/2021/10/03/rmk12-fokus-basmi-kemiskinan-tingkatkan-ekonomi-b40-m40/>
- Rokis, R., Basir, N., Al Attas, S. F. A. S. H., & Fauzi, F. N. M. (2018). Poverty, Women's Empowerment and Social Entrepreneurship Among B40 Urban Women in Malaysia. *Opción*, 34(16), 968–984.
- Salleh, N. H. M., & Samad, S. (2018). Impak Pembangunan Homestay Dalam Kalangan Komuniti Rancangan Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, Vol. 52(2), pp. 199–208.
- Stanton, E. A. (2007). *The Human Development Index: A History*. Political Economy Research Institute Working Paper Series No. 127.
- Suroyo, dkk (2006). *Agama dan Kepercayaan Membawa Pembaruan*. Yogyakarta: Kanisius.
- Syaiful Ilmi (2017). KONSEP PENGENTASAN KEMISKINAN PERSPEKTIF ISLAM. *Al-Maslahah*, Vol.13 No.1 pp.67-84.
- Talib, K.A. (2016). Dilema Kemiskinan: Falsafah, Budaya dan Strategi. *Akademika*, Vol 86(2), pp 65-78.
- Thaidi, H. A. A., Ab Rahman, M. F., & Ab Rahman, A. (2019). Integrasi Wakaf Dan Pembiayaan Mikro Islam: Prospek Dan Cabaran Integration of Waqf and Islamic Microfinance: Prospects and Challenges. *Journal of Fatwa Management and Research*, Vol. 16(2), pp. 70–89.
- Wagle, U. (2002). Rethinking Poverty: Definition and Measurement. *International Social Science Journal*, 54(171), 155–165. <https://doi.org/10.1111/issj.12192>
- Wahab, H. A. (2010). Kesejahteraan Sosial dan Pembangunan Komuniti: Pendekatan dan Indikator. Seminar Serantau Islam Dan Kesejahteraan Seagat, 1–16. <http://eprints.um.edu.my/id/eprint/3124>



- Walker, R. (2015). *Multidimensional Poverty*. GSDRC Professional Development Reading Pack, No. 22. Birmingham, UK: University of Birmingham.
- Wang, X. (2017). *Eradicating Poverty and the Role of the Right to Development. The Recommendation for the 18th session of UN Working Group on the Right to Development Eradicating*, pp. 1–4.
- Wee, S. M. W. J., & Singaravelloo, K. (2018). *Income Targets and Poverty of Rubber Smallholders*. *Journal of the Malaysian Institute of Planners*, Vol. 16(1), pp. 381–396.
- Weinberg, S. K. (1970). *Social Problem in Modern Urban Society*. Prentice Hall.
- Wolde, T. G. (2018). *Impact of Remittance on Rural Household's Welfare: Evidence from North Wollo Zone, Gubalafto Woreda in Amhara Regional State, Using IV-Estimation Technique*. *Journal of Global Economics*, Vol. 6(1), pp. 1–6.
- Zainudin, M. Z., & Jumbri, I. A. (2018). *Persepsi Penerima Skim Bantuan Terhadap Peranan Agensi Kebajikan di Malaysia*, Vol. 11(1), pp. 68–78.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*